

# 30 DIDEDAH KAEDAH HASIL PRODUK PIUTER

**Seramai** 30 kanak-kanak dari dua pusat kebajikan, Rumah Hope dan Rumah Kanak-Kanak Angels, dibawa meluangkan masa dengan menyertai lawatan sambil belajar ke kilang Royal Selangor Pewter terletak di Setapak, Selangor.

Anjuran Ireka Cares iaitu program tanggungjawab sosial korporat (CSR) Ireka Corporation Berhad, ia dijalankan sejak enam tahun lalu, bagi membantu menyediakan pengalaman

pembelajaran buat kanak-kanak kurang bernasib baik.

Kanak-kanak berkenaan dibawa melihat kerja melebur dan menghasilkan piuter serta sejarahnya yang bermula sejak 1885 hingga hari ini.

Mereka juga belajar cara menghasilkan piuter iaitu hasil gabungan bijih timah dan tembaga untuk dijadikan barangan perhiasan yang menarik.

Terdapat kira-kira

400 pekerja di kilang berkenaan yang ditugaskan menghasilkan produk piuter sebelum ia dijual di seluruh negara dan dieksport ke beberapa negara lain termasuk Singapura, Indonesia, Jepun, Australia, United Kingdom dan Hong Kong.


Kumpulan kanak-kanak itu juga ceria apabila diberi peluang merasai sendiri cara membuat perhiasan dengan idea mereka sendiri. Mereka

mengukir nama masing-masing pada mangkuk piuter yang diterima untuk dibawa pulang sebagai kenangan lawatan berkenaan.

Mereka turut dijamu dengan hidangan KFC berhampiran sebaik lawatan tamat, sebelum pulang ke rumah kebajikan dengan perasaan gembira.



**SUKARELAWAN Ireka Cares**  
bergambar bersama kanak-kanak.



**SEORANG** kanak-  
kanak gembira  
dengan hasil  
krafnya.